

SULIT

**MINIT MESYUARAT
JAWATANKUASA PEPERIKSAAN DAN PERSIJILAN BIL 2/2013
JABATAN TENAGA MANUSIA**

Tarikh : 4 Jun 2013

Masa : 9.00 pagi – 1.30 petang

Tempat : Bilik Mesyuarat Utama, Ibu Pejabat
Jabatan Tenaga Manusia

Pengerusi : Tn. Syed Mohamad Noor Bin Syed Mat Ali

Kehadiran : Seperti di Lampiran A

1.0 PERUTUSAN PENERUSI

- 1.1 Pengerusi memulakan salam dan mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir pada mesyuarat ini.
- 1.2 Pengerusi memaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Peperiksaan dan Persijilan (MJPP) Bil 2/2013 ini bertujuan untuk mengesahkan keputusan pelajar lulusan Diploma keluaran Sesi 2/2012 yang menamatkan latihan industri pada bulan Mac 2013. Pelajar yang disahkan keputusan di dalam mesyuarat pada hari ini layak menghadiri Majlis Konvokesyen ILJTM pada tahun ini.

Makluman

2.0 PEMBENTANGAN LAPORAN VERIFIKASI PEGAWAI NAZIRAN SESI 2/2013

- 2.1 KPP(KT)2 membentangkan Laporan Verifikasi Pegawai Naziran Sesi 2/2013 kepada ahli mesyuarat seperti di **Lampiran 1**.

Makluman

- 2.2 KPP(KT)2 memaklumkan bahawa iklan sebutharga untuk buku rujukan telah dibuat tetapi tiada bidaan diterima. Mesyuarat bersetuju untuk mengagihkan peruntukan kepada 10 institut yang terlibat dengan pentauliahan program MQA kecuali JMTI untuk menguruskan sendiri pembelian buku rujukan tersebut.

Tindakan : P(KT) dan semua ILJTM berkenaan

- 2.3 Mesyuarat dimaklumkan pendaftaran subjek tidak dapat dilaksanakan bagi program DTK kerana maklumat subjek belum dimasukkan ke dalam TMS. Mesyuarat bersetuju agar pihak Ibu Pejabat menyelaras dengan ILJTM yang terlibat dengan program DTK untuk masukan maklumat subjek bagi setiap kursus di dalam TMS secara decentralize.

Tindakan : P(KT) dan semua ILJTM berkenaan

- 2.4 KPP(KT)2 memaklumkan ADTEC Melaka dan ADTEC Kulim telah membangunkan SPC 02 secara manual yang memenuhi keperluan penilaian bagi program DTK. Mesyuarat bersetuju untuk membenarkan penggunaan SPC 02 secara manual ini sementara menunggu modul CGPA bagi program DTK selesai dibangunkan di dalam TMS.

Makluman

- 2.5 Mesyuarat bersetuju bahawa Ibu Pejabat akan menyelaras dengan ILJTM yang terlibat bagi menyediakan input untuk pembangunan modul CGPA DTK di dalam TMS.

Tindakan : P (KT)

- 2.6 Mesyuarat juga ambil maklum satu bengkel perbincangan pelaksanaan program Latihan DTK berasaskan OBE akan dilaksanakan pada 12 hingga 14 Jun 2013 di ADTEC Shah Alam. Tujuan bengkel ini adalah untuk berkongsi kaedah pelaksanaan penilaian latihan daripada empat ADTEC yang telah melaksanakan latihan berasaskan OBE kepada ILJTM yang lain.

Makluman

SULIT

- 2.7 Mesyuarat bersetuju penyelarasan mengenai masukan maklumat subjek dan keperluan bagi Business Analysis untuk modul CGPA DTK dibincangkan dalam bengkel berkenaan.

Tindakan : P (KT)

3.0 PEMBENTANGAN DAN PENGESAHAN KEPUTUSAN AKHIR PELAJAR LULUSAN DIPLOMA KELUARAN 2/2012 DARIPADA PENGARAH-PENGARAH ILJTM

- 3.1 Pengarah membentangkan keputusan akhir pelajar lulusan Diploma keluaran Sesi 2/2012 kepada ahli mesyuarat untuk disahkan seperti di **Lampiran 2.**

Makluman

- 3.2 KPP(KT)2 memaklumkan bahawa pihak institut diberi tempoh selama dua minggu untuk menghantar keputusan pelajar menggunakan template yang disediakan kepada BKT bagi tujuan semakan keputusan pelajar di dalam laman WEB JTM.

Tindakan : Semua P(ILJTM) berkenaan

4.0 PEMBENTANGAN BERKAITAN PELAKSANAAN PROJEK RINTIS SHO

- 4.1 KPP(KT)2 membentangkan Pelaksanaan Projek Rintis SHO seperti di **Lampiran 3.**

Makluman

- 4.2 Mesyuarat bersetuju untuk mengekalkan tarikh cadangan Projek Rintis SHO iaitu pada 2 September 2013 dengan penglibatan 5 orang pelajar dari 4 ADTEC dan JMTI (5 pelajar/institut) serta seorang pelajar bagi ILP Kota Bharu dan ILP Kuala Terengganu.

Makluman

SULIT

- 4.3 Pihak institut diminta mencalonkan peserta dari kalangan pelajar yang telah menamatkan latihan serta berkebolehan dalam Bahasa Inggeris untuk memastikan pelajar mampu mengikuti Projek Rintis SHO dengan jayanya.

Tindakan : ILJTM berkenaan

- 4.4 Mesyuarat bersetuju untuk mendapatkan dana pinjaman dari PTPK untuk Program Professional Licensing. Untuk itu, Pengerusi meminta setiap institut untuk menghantar maklumat perancangan institut kepada Ibu Pejabat bagi menyediakan kertas kerja untuk tujuan berkenaan.

Tindakan : Semua P(ILJTM)

5.0 PERBINCANGAN BERKAITAN PELAKSANAAN LATIHAN PROGRAM DIPLOMA DUA ALIRAN DI ADTEC

- 5.1 KPP(KT)2 membentangkan maklum balas pihak institut berkaitan isu Pelaksanaan Latihan Program Diploma Dua Aliran.

Makluman

- 5.2 Mesyuarat bersetuju nama dan kod bagi Projek Tahun Akhir diselaraskan mengikut institut masing-masing.

Tindakan : ILJTM berkenaan

- 5.3 Mesyuarat bersetuju bahawa jumlah jam kredit bagi Ko-Kurikulum hanya diambilkira bagi menentukan jumlah jam kredit terkumpul bagi tujuan graduasi.

Tindakan : Semua (ILJTM) berkenaan

- 5.4 Mesyuarat bersetuju jumlah jam kredit bagi Latihan Industri untuk semua ILJTM hanya diambilkira bagi menentukan jumlah jam kredit terkumpul bagi tujuan graduasi. Walaubagaimana pun, keputusan Latihan Industri akan diberikan dalam bentuk gred di dalam transkrip pelajar.

Tindakan : Semua (ILJTM) berkenaan

SULIT

6.0 HAL-HAL BERBANGKIT

6.1 KPP(KT)2 memaklumkan terdapat ADTEC yang menolak untuk melaksanakan Program DKM kerana kesukaran melaksanakan Program Dua Aliran. KPP(KT)2 mencadangkan agar pelaksanaan aliran Kemahiran di ADTEC diagihkan di antara semua ADTEC mengikut kursus. Pengerusi bersetuju dan memaklumkan bahawa aliran kemahiran di ADTEC masih perlu dilaksanakan sehingga ILP bersedia untuk melaksanakan program DKM.

Makluman

6.2 P(ADTEC Taiping) memaklumkan terdapat beberapa isu pengambilan pelajar yang dirujuk kepada pihak MQA dan masih di dalam pertimbangan MQA. Mesyuarat bersetuju agar Ibu Pejabat mengumpulkan semua isu-isu berkaitan DTK dan mengadakan lawatan ke MQA bagi pencerahan berkenaan isu-isu tersebut.

Tindakan : P(KT)


6.3 Mesyuarat bersetuju tempoh pelaksanaan DKM yang dijalankan di ILP diselaraskan kepada 18 Bulan berkuatkuasa pada Julai 2014.

Tindakan : P(KT)

7.0 PENANGGUHAN MESYUARAT

Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.30 petang. Pengerusi mengucapkan terima kasih di atas kehadiran semua ahli mesyuarat.

LAMPIRAN 1



Training Skills

LAPORAN NAZIRAN

BIL 2/2013

LAPORAN PELAKSANAAN LATIHAN

Kaedah Pengajaran / Pedagogi

- Pelaksanaan pengajaran adalah mengikut kaedah yang memuaskan

Kawalan Ke Atas Pelajar

- Kawalan dan pengawasan ke atas pelajar dilaksanakan dengan baik
- Pelajar memberi perhatian dan minat yang tinggi

LAPORAN PELAKSANAAN LATIHAN

Penggunaan Silibus dan WIM

- Bahan pengajaran adalah mengikut silibus dan WIM yang dibangunkan

Pengurusan Peralatan Latihan/Mesin

- Teratur
- Penyelenggaraan dilaksanakan dalam keadaan terancang
- Penyamanan Udara rosak dan tidak dibaiki (ADTEC Melaka)

LAPORAN PELAKSANAAN LATIHAN

Persekitaran Latihan / Bengkel

- Kemas dan teratur untuk sesi pengajaran.
- Banyak ruang kosong yang tidak digunakan (Adtec Melaka)
- Kerusi rosak yang tidak dilupus atau diperbaiki (Adtec Melaka)

Penggunaan Pusat Sumber

- Buku rujukan perlu ditambah selaras dengan perkembangan teknologi dan memenuhi keperluan MQA

LAPORAN PELAKSANAAN LATIHAN


Pemeriksaan Sistem Penilaian

- Menggunakan SPC dan SMP (ADTEC Batu Pahat)
- Memenuhi keperluan yang ditetapkan oleh jabatan, MQA dan JPK

Verifikasi Dalaman

- Pemeriksaan dijalankan secara berterusan

MAKLUMBALAS PELAJAR & PENGAJAR



CADANGAN




Melaksanakan program benchmarking bagi memantapkan OBE

**PROJEK RINTIS:
KURSUS SAFETY AND
HEALTH OFFICER
(SHO)**

PENGENALAN

Pihak JTM telah bersetuju dengan cadangan NIOSH untuk menawarkan Kursus Sijil Keselamatan dan Kesihatan (SHO) kepada pelajar peringkat Diploma dari ILJTM menggunakan pendekatan Blue Ocean Strategy (BOS)




OBJEKTIF KURSUS

Meningkatkan pengetahuan peserta dalam hal-hal berkaitan dengan konsep dan prinsip keselamatan dan kesihatan pekerjaan

Melatih peserta bagi membolehkan mereka menjalankan aktiviti/ program OSH bagi memenuhi Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 dan peraturan-peraturannya

Menyediakan peserta bagi menghadapi peperiksaan yang menjurus kepada perantikannya sebagai Pegawai Keselamatan dan Kesihatan yang kompeten.



FAEDAH KURSUS

Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran graduan ILP dalam hal-hal berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan

Meningkatkan tahap kebolehpekerjaan (*employability*) graduan ILP

Meningkatkan bilangan SHO di dalam pasaran kerja negara

Mengujudkan nilai tambah (*value added*) kepada program latihan kemahiran yang ditawarkan oleh Kementerian

**JTM DAN NIOSH BERSETUJU
UNTUK MELAKSANAKAN
PROJEK RINTIS BAGI KURSUS
SHO PADA TAHUN INI**

**Tempoh :
22 hari**

**Bilangan Peserta :
25 – 27 orang**

**ILJTM Terlibat :
4 ADTEC dan JMTI**

**Tarikh :
September 2013**

**Lokasi :
ADTEC Taiping**

LAMPIRAN 3

K O N S E P

Komponen Kursus :


- Modul Safety
- Modul Management
- Modul Health
- Modul Legal

Kos :

**RM 1800 / Pelajar
RM 1500 / Pelajar
(Tanpa Makan & Minum)**

**Tenaga Pengajar :
Pengajar JTM
Pengajar Lantikan NIOSH**

**KURSUS INI TIDAK TERMASUK
PEPERIKSAAN SEBAGAI
PEGAWAI SHO**



PROMOSI & PEMILIHAN PESERTA KURSUS

